



5 Mei 2017  
5 May 2017  
P.U. (B) 235

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### ARAHAN KHAS MENTERI

### *SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

- (a) suatu penyiasatan jenayah yang berhubungan dengan kesalahan berat asing mengenai fraud yang bersifat sangat berat di bawah seksyen 279 Kanun Jenayah Denmark dibaca bersama dengan subseksyen 286(2) Kanun yang sama telah dimulakan di Negara Denmark, suatu Negara asing;
- (b) Pendakwa Raya Negara bagi Jenayah Ekonomi dan Antarabangsa yang Serius di Copenhagen, Negara Denmark telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [Akta 621];
- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Negara Denmark; dan
- (d) Peguam Negara telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Negara Denmark berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Negara Denmark tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 19 April 2017  
[PN(R)152/185/29/34-7; PN(PU2)628/X]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

- (a) a criminal investigation relating to a foreign serious offence of fraud of a particularly aggravated nature under section 279 of the Danish Criminal Code read together with subsection 286(2) of the same Code has commenced in Kingdom of Denmark, a foreign State;
- (b) the State Prosecutor for Serious Economic and International Crime in Copenhagen, Kingdom of Denmark has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];
- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to Kingdom of Denmark; and
- (d) the Attorney General has recommended that mutual assistance be given to Kingdom of Denmark in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of Kingdom of Denmark an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 19 April 2017  
[PN(R)152/185/29/34-7; PN(PU2)628/X]

DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID  
*Minister in the Prime Minister's Department*